

Lily Kugan bersara bukan untuk berhenti

(B) 17.2.2019 B3



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

LILY Kugan dilahirkan pada 16 Disember 1961 di Tanjung Aru, Sabah. Keluarga berasal dari Tuaran dan memilih untuk menetap di Tanjung Aru, Sabah.

Lily Kugan berbangsa Sino Kadazan di mana ibunya seorang yang berbangsa Cina manakala ayahnya seorang Kadazan.

Beliau mendapat pendidikan awal sejak dari Tahun 1 hingga Tahun 6 dan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di St. Francis Convent Kota Kinabalu Sabah.

Seterusnya, beliau menyambung pengajianannya ke Tingkatan 6 di SMK La Salle Kota Kinabalu Sabah. Kemudiannya, beliau berjaya melanjutkan pengajianannya ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan mengambil bidang Ekonomi.

Setelah menamatkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia, Puan Lily Kugan kemudiannya berkhidmat di SEDCO Kota Kinabalu Sabah dan kemudiannya berhenti berkhidmat di SEDCO pada umur 38 tahun.

Setelah berhenti berkhidmat beliau kemudiannya menumpukan sepenuhnya masa bersama

keluarganya. Beliau pada ketika itu juga secara perlahan-lahan mereka bentuk (*design*) rumah kediamannya sendiri kerana minatnya dalam bidang seni amat mendalam. Selain itu, beliau juga memulakan aktiviti penanaman pokok-pokok bunga pelbagai spesies di kawasan perkarangan rumahnya.

Beliau mula berkecimpung dalam bidang seni, apabila beliau mengambil kesempatan untuk belajar menghasilkan karya catan minyak di salah sebuah syarikat kecil yang diketuai oleh pengusaha Korea yang dibuka di Bandaraya Kota Kinabalu.

Di samping itu, beliau juga telah belajar cara untuk menghasilkan kraf tangan menggunakan akar kayu.

Ketika berkhidmat di sana, beliau telah berkenalan dengan seorang pelukis tempatan Sabah iaitu Suzie Majikol.

Suzie Majikol merupakan idola Puan Lily dan beliau juga individu yang telah banyak membawa Puan Lily untuk berkecimpung dalam bidang seni dengan lebih aktif.

Suzie Majikol juga telah banyak membantu Puan Lily dalam menghasilkan karya lukisan dengan lebih kreatif dengan cara beliau sering mengajak Puan Lily untuk hadir ke pameran lukisan serta mengajar beliau cara untuk menilai sesebuah karya.

Hal ini kerana, Puan Lily tidak mempunyai asas pembelajaran yang khusus mengenai seni. Setelah beroperasi selama beberapa tahun, syarikat tersebut kemudiannya

telah ditutup kerana pengusahanya telah berpindah alih ke luar negara.

Pada tahun 2007, beliau telah terlibat dalam Pameran Lukisan Terbuka Johor yang diadakan dari 28 hingga 30 April 2007 di Atrium Plaza Kotaraya, Johor Bahru. Beliau telah memperkenalkan karyanya yang bertajuk "Wanita Rungus-Turali".

Selain itu, beliau juga telah terlibat dalam Pameran Karya Pelukis Wanita 2007 yang diadakan pada 9 Ogos 2007 hingga 3 September 2007 di Balai Seni Lukis Sabah. Dalam pameran ini, beliau telah memperkenalkan karyanya iaitu "Forgotten Beauties".

Beliau seorang pengkarya yang gemar untuk menggunakan media akrilik atas kanvas ketika menghasilkan karya. Selain itu, beliau juga gemar akan penggunaan kepelbagaiannya warna dalam menghasilkan sesuatu karya.

Pada masa ini, Puan

ANTARA contoh barang yang dijual oleh Lily Kugan.



FORGOTTEN Beauties, Lily Kugan, Akrilik, 86x119cm, 2007.

Lily Kugan bergiat aktif dalam bidang perniagaan. Kesemua produk/barang yang dijualnya hasil rekaannya sendiri dan beliau telah berkerjasama dengan seorang pengusaha kilang di negeri China.

Beliau akan menghantar lakaran reka bentuk kepada pengusaha kilang tersebut dan pihak pengurusan kilang yang akan mereka bentuk produk mengikut lakaran yang telah dihasilkan oleh Puan Lily Kugan.

Penghasilan karya Forgotten Beauties, ini dihasilkan secara dilukis secara *painterly*. Teknik yang digunakan oleh pengkarya dalam menghasilkan karya ini ialah teknik sapuan warna yang menggunakan bahan berus yang terdiri daripada pelbagai saiz.

Sapuan warna juga terdiri daripada sapuan warna tebal dan juga nipis. Sapuan warna asas iaitu kuning mewujudkan cahaya pada bahagian




LILY KUGAN

sepit ketam. Kepelbagaiannya warna yang terdapat pada karya ini menimbulkan suasana yang ceria dan tenang.

Pengkarya menggunakan media akrilik sebagai media dalam menghasilkan karya ini. Menurut pengkarya, beliau mengambil tempoh seminggu untuk menyiapkan karya ini. Selain itu, beliau juga menggunakan kanvas sebagai bahan atau satah dalam menghasilkan karya ini.

Terdapat juga pengulangan bentuk ketam dan warna yang digunakan oleh pengkarya seperti



Lily Kugan
Wanita Rungus - Turali : Akrilik

WANITA Rungus-Turali : Akrilik

penggunaan warna Jingga.

Dalam menghasilkan karya ini, pelukis banyak menggunakan pelbagai teknik garisan seperti teknik garisan beralun, garisan nipis, garisan tebal, garisan bersudut, garisan kasar, garisan berdurasi, garisan berulang, garisan bertitik-titik, garisan berbulu, dan teknik garisan bergerigi.

Garisan yang terdapat dalam karya ini merupakan garisan semula jadi dimana garisan ini merupakan objek atau kehidupan yang wujud dalam alam semula jadi. Contohnya ialah terdapat pada kulit ketam iaitu sifat garisan yang terdapat padanya ialah kasar dan berdurasi.

Dalam karya ini, pengkarya menghasilkan garisan dengan menggunakan berus besar pada bahagian latar belakang dan berus kecil pada bahagian objek.

Garisan yang terdapat pada karya ini berfungsi untuk mencipta ruang, menghasilkan ton, menimbulkan jalinan, menunjukkan bentuk, menunjukkan peregerakan dan dijadikan motif bercorak.

Dari segi unsur penggunaan warna, pengkarya menggunakan warna asas seperti biru, kuning dan merah.

Selain itu, terdapat juga penggunaan warna sekunder dimana warna ini merupakan warna daripada hasil campuran dua warna asas seperti biru dan kuning maka warna yang diperolehi ialah warna hijau. Dalam karya ini juga terdapat warna tertier pada ketam iaitu biru hijau, merah jingga, kuning jingga dan kuning hijau. Pengkarya memilih warna gelap bagi latar belakang lukisan.

Selain itu, dalam karya ini wujud warna harmoni di mana warna ini menimbulkan suasana yang selesa, menarik dan seimbang. Warna-warna harmoni terdiri daripada dua atau lebih warna dan ia dikenali sebagai warna sekeluarga.

Pengkarya telah mewarnakan ketam dengan warna harmoni seperti kuning, jingga dan merah atau hijau, biru dan ungu. Kombinasi warna yang

tepat dapat melahirkan suasana ceria dalam catan. Contoh warna pengenap yang terdapat dalam karya ini ialah biru dan jingga, merah dan hijau, kuning dan ungu, merah jingga dan biru hijau, kuning hijau dengan merah ungu serta biru ungu dengan kuning jingga. Karya ini mengandungi warna yang kebiruan seperti warna hijau yang dikenali dan dipanggii warna sejuk.

Berdasarkan karya beliau bercirikan konsep suasana Borneo. Menurut beliau, karya ini merupakan karyanya yang kedua beliau hasilkan. Idea dalam menghasilkan karya ini muncul apabila beliau mengimbau kembali zaman kanak-kanaknya yang penuh dengan aktiviti yang menyeronokkan.

Ketika zaman kanak-kanaknya, beliau gemar untuk memungut anak ketam ketika waktu air laut surut. Hal ini kerana pada ketika itu rumah keluarganya terletak pada pesisir pantai. Karya ini memberikan gambaran perasaan pengkarya akan kerinduannya pada zaman kanak-kanaknya yang telah lama berlalu.

Pengkarya juga mengimbau masa terluangnya bersama keluarganya di suatu ketika dahulu. Namun pada masa kini ianya tidak akan terulang kembali.

Pengkarya cuba untuk menyampaikan mesej yang tersirat kepada audiens iaitu setiap waktu yang berlalu akan mencoret kenangan yang akan diingati selamanya. Perkara yang tersirat dalam karya ini ialah hidupan laut yang terdiri daripada pelbagai saiz dijadikan subjek dalam menghasilkan karya ini.

Kegigihan seorang pelukis tidak mengenal umur walaupun sudah bersara Lily Kugan meneruskan minat beliau dalam seni dan berjaya menguasainya seperti tokoh pelukis terkenal antarabangsa seperti Grandma Moses dan Rousseau.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).